

Kerajaan usaha menongkahkan arus globalisasi – Abdullah

KUALA LUMPUR 2 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan terus berusaha meningkatkan ekonomi negara dalam rantai nilai lebih tinggi bagi menongkahkan arus globalisasi yang semakin mencabar.

Perdana Menteri berkata, usaha itu telah dijadikan teras pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan pada masa yang sama pelbagai program dirangka bagi meningkatkan nilai tambah ekonomi, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, yang menjadi tonggak ekonomi negara.

“Kerajaan juga terus giat berusaha untuk meningkatkan penglibatan negara dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, terutamanya ICT dan bioteknologi.

“Di samping itu usaha untuk memupuk transformasi GLC (syarikat berkaitan kerajaan) terus membuahkan hasil,” katanya ketika menyebarkan ucapan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada majlis pengurniaan darjah kebesaran, bintang-bintang dan pingat-pingat Persekutuan 2007 di Istana Negara hari ini.

Abdullah berkata, ekonomi negara berada dalam keadaan amat positif dalam tempoh setahun yang lalu dengan mencatatkan kadar

pertumbuhan yang sihat iaitu 5.9 peratus pada tahun lepas dan sektor swasta telah menerajui pertumbuhan itu.

Kerajaan juga meneruskan usaha mengukuhkan kedudukan fiskal negara, dengan defisit bajet kini berada pada tahap 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kadar inflasi dan pengangguran pula terkawal, manakala rizab antarabangsa meningkat kepada RM290.4 bilion pada 31 Disember tahun lepas.

“Yang lebih membanggakan, keadaan ekonomi pada tahun 2007 dijangka meningkat kepada enam peratus dan akan didasari oleh pertumbuhan di dalam semua sektor utama ekonomi, termasuk sektor pembinaan,” katanya.

Abdullah berkata kerajaan juga giat berusaha meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi di samping memupuk minda kelas pertama.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang telah dirangka untuk melonjakkan kualiti sistem pendidikan negara menjelang 2010, adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan tertinggi di rantau ini, katanya.

Kerjasama dengan sektor swasta dalam bidang ini, katanya sedang mula dilaksana-

UM-3/6/2007

➤ Kerajaan juga terus giat berusaha untuk meningkatkan penglibatan negara dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, terutamanya ICT dan bioteknologi

– Abdullah Ahmad Badawi

kan.

Perdana Menteri berkata dalam usaha memastikan rakyat berbilang kaum di negara ini dapat menikmati hasil pembangunan negara yang pesat, kerajaan terus memperhebatkan usaha menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif.

Pembangunan masyarakat bumiputera akan diteruskan untuk merapatkan jurang pendapatan serta aset dan kekayaan, katanya.

Usaha-usaha ini disokong dengan langkah-langkah pencegahan jenayah oleh pasukan polis.

Abdullah berkata pendekatan bagi mewujudkan koridor pembangunan di seluruh negara seperti Wilayah Pembangunan Iskandar di selatan Johor, yang sudah pun dilancarkan dan wilayah pembangunan di utara dan timur Semenanjung akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, bertujuan

memacu pembangunan di wilayah terbabit agar faedah ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat.

Perdana Menteri berkata Malaysia terus bekerjasama di peringkat antarabangsa termasuk menjadi peneraju utama Forum Ekonomi Islam Dunia, sebagai usaha bagi mengutamakan pembangunan dan kerjasama ekonomi bagi negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dasar kerjasama pembangunan dengan negara jiran dan negara rakan adalah untuk melindungi kepentingan Malaysia sebagai sebuah ekonomi perdagangan yang terbuka, katanya.

Sumbangan sektor awam juga semakin mantap berikutan pelancaran RMK-9 yang dijangka akan membawa manfaat berganda untuk seluruh rakyat negara ini.